

Vivianah-Nisrina ceriakan kem Politeknik M'sia



Siti Nur Vivianah (empat kanan) dan Nisrina Saffiah (lima kanan) bantu Politeknik raih emas acara berpasangan wanita petanque manakala gandingan Ainol Shahramadhan serta Muhammad Irfan raih perak.

GANDINGAN kali pertama Siti Nur Vivianah Chia dan Nisrina Saffiah Mohd Razip bukan halangan buat mereka untuk membantu Politeknik Malaysia meraih pingat emas acara berpasangan wanita petanque SUKIPT 2024.

Siti Nur Vivianah dari Politeknik Kota Kinabalu dan Nisrina dari Politeknik Port Dickson, kedua-duanya mengakui hadir dengan sasaran menggenggam pingat emas di bumi Sintok.

Pasangan tersebut berjaya mengatasi Kolej Polytech MARA yang dibarisi Nur Eliyana Mohd Khudri dan Putri Nurafni Umairah Khairul Anuar bagi pingat perak manakala Nur Atikah Nabila Mokhtar bersama Seri Amisyah Mohd Hashlindarinshah dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) meraih pingat gangsa.

Menurut Siti Nur Vivianah, biarpun kali pertama digandingkan namun mereka te-

lah mengenali corak permainan antara satu sama lain sebelum ini.

"Emas memang sasaran kami. Kami berdua masing-masing menjaga posisi yang ditetapkan. Saya bertindak sebagai 'pointer' dan Nisrina pula 'shooter'. Kami memiliki kelebihan masing-masing dan sebab itu dapat membina kefahaman antara satu sama lain dengan cepat.

"Kami mengikuti setiap arahan jurulatih dan konsisten serta disiplin dalam mengatur strategi melalui latihan yang kami lakukan di Kuala Kangsar sebelum hadir ke UUM," katanya semasa ditemui di Gelanggang Petanque UUM pada hari kedua kejohanan.

Dalam pada itu, Politeknik Malaysia juga meraih pingat perak melalui gandingan Ainol Shahramadhan Abu Bakar dan Muhammad Irfan Hakimi Ismail untuk acara berpasangan lelaki.